

Headline	FRIM, UMT jalin kerjasama selidik biodiversiti hutan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	L-24	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	144 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,756



FRIM, UMT jalin kerjasama selidik biodiversiti hutan

KEPONG - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalankan kerjasama dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi meningkatkan lagi penyelidikan biodiversiti hutan.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, kerjasama itu membabitkan Fakulti Sains dan Teknologi UMT bertujuan membangunkan



projek pemuliharaan hutan dan kesiatan.

"Kita sudah lama bekerjasama dengan UMT, namun kali ini kita mahu

menghasilkan sesuatu yang orang lain tidak buat. Ini kerana kita percaya kepa-karanan yang dimiliki oleh

UMT dan FRIM mampu menerokai lebih banyak penyelidikan perhutanan.

"Selain bidang penyelidikan, kedua-dua pihak berpeluang berkongsi pengeta-

hanan, pembinaan kapasiti penyelidik dan penerbitan akademik," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara FRIM dan UMT di sini semalam.

Pada majlis menandatangani itu, FRIM diwakili oleh Abdul Latif manakala UMT pula Naib Canselor-nya, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo.



ABDUL LATIF (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen MoU dengan Ibrahim (dua dari kanan) di Kepong semalam.